

PIBG aktif bangun sahsiah sekolah pacu murid



Labuan, 29 Februari – Sekolah Kebangsaan Tanjung Aru dengan kerjasama Persatuan Ibubapa dan Guru (PIBG) sekolah telah mengadakan Mesyuarat Agung PIBG kali ke-16 bagi tahun 2020. Keaktifan aktiviti sekolah boleh diukur melalui peranan Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG) seiring dengan keperluan sekolah, guru dan pembangunan murid. Program ini telah dirasmikan oleh Puan Zaliha binti Mohd Salleh selaku pegawai angkat Sekolah Kebangsaan Tanjung Aru.

Seramai 151 orang ibu bapa dan guru telah menghadiri Mesyuarat Agung PIBG pada kali ini. PIBG merupakan badan yang sah ditubuhkan sebagai penghubung antara ibu bapa, guru, sekolah, masyarakat dan murid. Komitmen, kerjasama dan sumbangan pelbagai pihak

berkepentingan seperti masyarakat, ibu bapa, murid dan guru amat penting dalam memantapkan kecemerlangan murid selaku individu yang mampu menyumbang dan memajukan masyarakat. Pencapaian murid lebih bermakna apabila keluarga mereka juga turut berperanan dan membabitkan diri dalam kejayaan anak-anak mereka.

Perkongsian Hala Tuju Sekolah Tahun 2020 yang disampaikan oleh Pn Faridah Binti Amit, Guru Besar, Sekolah Kebangsaan Tanjung Aru, WP Labuan pada 29 Februari 2020 dalam Mesyuarat PIBG Sekolah Kebangsaan Tanjung Aru kali 16 menggariskan 6 teras yang perlu dicapai antaranya pemantapan Pengurusan Sumber Manusia, Pemantapan Pengurusan Kewangan dan Aset, Pemantapan Pengurusan Kurikulum, Pemantapan Pengurusan Hal Ehwal Murid, Pemantapan Pengurusan Kokurikulum dan Pemantapan Pengurusan PIBG dan Komuniti Setempat. Dalam pernyataannya, Guru Besar menekankan bahawa 6 teras ini hanya akan dapat dicapai jika pihak sekolah dan ibubapa serta penjaga saling bekerjasama demi kemandirian anak-anak di sekolah ini.



Puan Zaliha menerima cendera kenangan daripada En Kepli.
(Dari kiri Puan Dhia, Puan Rositah, En. Kepli, Puan Zaliha, Puan Faridah, dan En. Irham).